

# Silat punyai tempat utk masyarakat berbilang kebudayaan

22 JUL 1978

**M**ENTERI Negara Kanan (Halehwal Luar), Encik A. Rahim Ishak, menegaskan bahawa silat seperti seni silat gayong dengan ciri-ciri yang penting untuk belia, ada tempatnya dalam masyarakat berbilang budaya Singapura.

Silat, katanya, adalah satu cara yang elok dan cergas untuk menambah ketangkasan jasmani, keyakinan kepada diri sendiri dan perasaan bangsa di dalam hati di kalangan para belia kita.

"Ianya layak menerima sokongan dan penyertaan rakyat berbilang budaya kita.

"Saya menunggu masanya bila rakyat - rakyat muda Singapura yang bukan Melayu mempelajari seni ini dan memasuki pertandingan Pesta Silat dalam tahun - tahun akan datang," dia menegaskan.

Encik Rahim juga menekankan bahawa silat bukanlah suatu seni yang tersendiri - ianya boleh dipelajari oleh orang-orang bukan Melayu, suatu keadaan yang sama dengan Karate, Tae kwondo dan juga Kung Fu yang telah merebak ke luar dari negeri - negeri asalnya dan diterima oleh orang-orang Eropah dan Amerika.

## Warisan

Encik Rahim seterusnya menjelaskan: "Silat sebagai suatu seni yang tersendiri, ia suatu cara membangunkan perwatakan dan keupayaan mencari sesuatu, dapat menolong memberikan keutuhan budaya untuk menahan diri dari aspek-aspek buruk kebudayaan cabangan barat."

Seni silat juga, ujarnya, akan terus hidup sebagai suatu amalan purba yang telah teruji oleh masa, dan menjadi sebahagian dari warisan kita di Singapura dan dimiliki bersama dengan negara-negara jiran iaitu Malaysia dan Indonesia.

Dia menyatakan demikian ketika merasmikan Pesta Silat Kebangsaan, anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi), sempena dengan Pesta Sukan Singapura di Panggung Negara malam tadi.

Terdahulu dari itu, Encik Rahim menyatakan usaha memodenkan seni silat, sebagai seni mempertahankan diri bangsa Melayu, yang juga diakui di Asia Tenggara, bermula di Singapura.

## Sejak Jepun

"Khemah percubaan yang pertama untuk menyamakan sukatan pelajaran, pakalan seragam latihan dan tata tertib silat telah diadakan di Pulau Sudong.

"Pergerakan ke aras pembentukan suatu sistem yang serupa dalam pengajaran silat telah bermula sejak zaman pendudukan Jepun dulu yang penuh dengan huru-harar.

"Oleh itu, pemimpin-pemimpin Melayu telah membuat keputusan untuk memajukan silat sebagai suatu cara memupuk ilmu kebatinan, kesetiaan dan disiplin diri untuk rakyat mempertahankan diri mereka," dia menjelaskan.

Tetapi, tambahnya, dengan perkembangan seni silat menjadi suatu bentuk latihan yang berdisiplin, penegasan telah dialihkan kepada kandungan ilmu kebatinan dan kegunaannya dalam pembangunan peribadi.

Para pengikutnya telah dipupuk dengan semangat supaya bertakwa kepada Tuhan dan kesetiaan kepada negara dan sesama penuntut serta jurulatih.

"Sistem baru yang praktik ini menarik ramai pengikut dan seni silat yang baru itu yang dikenali sebagai Silat Seni Gayong, yang telah tersebar luas dari Singapura ke seluruh Semenanjung Malaysia.

"Hari ini pengajaran Silat Seni Gayong dimajukan sebagai suatu usaha kebangsaan di Malaysia, dan di Singapura juga telah memberi perhatian yang sama."

Dia menambah, haki-kat bahawa ia telah dimasukkan sebagai suatu acara dalam Pesta Sukan ialah pengesahan tentang pengakuan kebangsaan terhadap seni silat di Singapura.

# Seni pertahankan diri masih boleh dipupuk biarpun telah wujud senjata2 moden

23 JUL 1978

**S**ENI mempertahankan diri seperti silat, masih boleh dihidupkan dan dipupuk sungguhpun telah wujud senjata-senjata moden yang digunakan untuk tujuan pertahanan.

Ii boleh dicapai dengan menjadikan seni itu sebagai bahan olahraga atau sukan; seni dan budaya; sel mempertahankan diri dan untuk asuhan mental serta spiritual yang baik.

Demikian dinyatakan oleh Anggota Parlimen Kolam Ayer, Encik Sidek Saniff, ketika berucap di majlis perasmian Pesta Silat Kebangsaan, di Panggung Negara pada Jumaat malam yang lalu.

Encik Sidek yang merupaka timbalan yang dipertua Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang menganjurkan pesta itu, menegaskan bahawa untuk mencapai keempat matalamat tersebut, Persisi kini sedang merancangkan untuk:

## Menyeru

Menerbitkan sebuah buku mengenai senisilat; menyeru lebih banyak kumpulan silat bergabung dengannya; menganjurkan lebih banyak dialog dengan guru-guru silat untuk mempertingkatkan mutu seni itu dari semua aspek termasuk silat untuk tarian; bekerjasama dengan pertubuhan silat luar negeri dan mendapatkan lebih ramai orang mempelajari seni ini.

Sebelumnya, Encik Sidek berkata bahawa kemajuan sesebuah negara

itu terletak kepada dua perkara penting iaitu kemajuan ekonomi dan kekuatan pertahanannya.

Bagaimanapun, terdapat perbezaan antara kaedah pertahanan masa lalu dengan sekarang berhubung dengan penggunaan senjata. Masa lalu pertahanan dibuat dengan menggunakan kekuatan fizikal dan senjata biasa, tetapi sekarang kekuatan fizikal digandingkan dengan senjata-pl.

Tetapi, kedua kaedah ini mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mewujudkan rasa berani dan dengan itu tidaklah timbul peristiwa pahlawan yang lari dari medan perang atau lebih aneh lagi lari dari perkhidmatan negara sebagai istilah sekarang, katanya.

Tetapi, Encik Sidek mengingatkan, orang-orang yang mempunyai rasa berani itu tidaklah seharusnya menyalahgunakan pula perasaan itu, sekiranya mereka ingin mencapai kedudukan yang mulia dan mencapai tahap tamaddun yang tinggi.

Pesta itu yang diadakan selama dua malam berturut-turut telah dirasmikan pembukaannya oleh Menteri Negara Kanan (Luarnegeri), Encik Rahim Ishak.

# Ketabahan Azizah buat ramai penonton

## tak sedar jarinya luka

Berita Minggu

23 JUL 1978

**K**ETABAHANNYA menahan rasa sakit dari jarinya yang cedera kerana terkena parang, telah berjaya mengelakkan berlakunya keadaan kelamkabut di kalangan penonton yang menyaksikan pesta senisilat Persisi di Panggung Negara, Jumaat malam lalu.

Apa yang dapat disaksikan oleh penonton ialah Azizah Hamin tidak dapat menunjukkan permainan yang rancak, sebagaimana yang sepatutnya.

Azizah dari Badan Kesenian Melayu Singapura, sedang hendak memulakan permainan silat Kuntau Melaka bersama seorang lagi pesilat wanita dalam kumpulan yang sama, bila jari telunjuk kanannya tercedera kerana terkena parang dari lawannya, secara tidak disengajakan.

## Rawatan

"Bagaimanapun, dia tetap tabah dan dapat mengadakan persembahan sehingga tamat, sekalipun dia kelihatan agak lemah," kata seorang jurucakap badan tersebut semalam.

Azizah, anak kepada guru silat dari badan itu merupakan salah seorang peserta untuk bahagian Srikanthi.

Kemalangan tersebut berlaku pada kira-kira 10.00 malam dan persembahannya merupakan acara terakhir dari malam pertama pesta itu.

Sebaik saja dia selesai mengadakan pertunjukannya, Azizah segera diberi rawatan keceemasan oleh beberapa orang anggota St. John Ambulan yang disediakan khas di sana dan dibawa ke Hospital Besar Singapura untuk rawatan lanjut. Dia dibenarkan pulang selepas rawatan itu di mana jarinya yang cedera dihilit sedikit.